



Orang-orang Islam di Singapura sangat gelisah dengan adanya Rancangan Undang-undang Islam. Di sana sini menjadi buah mulut tetapi akhbar Damak dan Pak Abu senyap terus.

Orang-orang bertanya apakah ertinya ini? Almaklumlah Damak dan Pak Abu ya! Mana kan sekarang orang selalu melembutkan giginya dari lidahnya?

\* \* \*

*Jamiyyah* tolak PAS meminjam rumah *Jamiyyah* untuk memanggil Mesyuarat Am Pertubuhan-pertubuhan Islam untuk memikirkan Rancangan Undang-undang Islam di Singapura. Alasan *Jamiyyah* kerana PAS badan politik. Orang yang tahu asal usulnya hanya ketawa sebab di dalam Jawatankuasa Perumahan "*Jamiyyah*" ada orang "gedang" yang berkaitan dengan Rancangan Undang-undang itu. Almaklumlah masa ini masa "melembutkan gigi daripada lidahnya" kerana harus sebahagian daripada orang-orang di *Jamiyyah* itu "ada harapan" baik! Apakah yang diharapkan itu - *wa Allahu A'lam!*

\* \* \*

*Jamiyyah* selalunya bergerak di dalam hal-hal yang mengenai agama tetapi sekarang *Jamiyyah* bungkam – tidak ma<sup>1</sup> memanggil Mesyuarat Am kaum Islam yang dikemukakan oleh kerajaan. Apakah *Jamiyyah* itu gunanya hanya untuk memanggil mesyuarat kerana merayakan mawlid sahaja – orang bertanya. Mau tak betul tidaknya tanya Tuan Haji Wanjor – almaklumlah masa sekarang masa melembutkan gigi daripada lidahnya – ia tak!

\* \* \*

Tuan Cu Cam Bi<sup>2</sup> sedikit masa yang lalu menyampaikan keluhan kesusahan ahli-ahli perniagaan di Singapura masa

ini tetapi Tuan Lee Kuan Yew Perdana Menteri bilang ini diada-adakan. Kasihan – rupanya Tuan Lee Kuan Yew masanya habis di pejabat sahaja – tidak suka berjalan melawat-lawat sendiri mendengar keluhan rakyat harus keluhan rakyat yang didengar dari buruh sahaja tetapi keluhan majikan-majikan kecil yang setengah mati tidak terdengar. Patutnya bung Lee Kuan Yew berjalan-jalan juga ke tempat-tempat perusahaan kecil melihat sendiri keadaannya. Jangan berat sebelah Bung!

\* \* \*

Dikhabarkan dari Indonesia bahawa Presiden Sukarno dalam bulan April ini akan berlayar pula mengelilingi dunia. Nampaknya Presiden negara Indonesia ini diayah benar berlayar keluar negeri. Boleh jadi negara makmur – atau sekurang-kurangnya penderitaan rakyat nampaknya.

\* \* \*

Azhari Taib, tatkala menjawab cabaran Abu Bakar Hamzah yang membela Sheikh Mahmud untuk menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi di antara lain dikatakan telah berkata, bahawa jika mau bahasa Arab juga pergilah ke Tanah Arab kerana di Malaya bukan tempatnya. *Mā shā-Allāh*, yang menganjurkan adalah orang-orang Melayu yang beragama Islam dan cinta kepada agamanya – adakah Encik Azhari suruh buang negeri padahal negerinya Tanah Melayu? Mereka harus bertanya dan berkata, apakah Encik Azhari Taib sahaja yang berhak tinggal di Tanah Melayu sedangkan orang yang mau kan Bahasa Arab. Itu tidak boleh tinggal? *Mā shā-Allāh*, sekali lagi *Mā shā-Allāh!* Beginilah nasibnya bahasa Arab!

\* \* \*

Berita-berita tuntutan gaji dan ugutan-ugutan mogok di Singapura selalu benar di dengar. Sebaliknya pegawai-pegawai pemerintah menganjurkan supaya industri-industri dibuka dan modal-modal asing dianjurkan supaya membuka modal di sini. Apakah modal asing akan diharap kalau mogok tidak berhenti-henti tersiar? Jawabnya tanya sama Tuan Lee Kuan Yew – **Cemeti al-Farouk**

<sup>1</sup> Kemungkinan tertinggal huruf wau pada teks asal dan sepatutnya "mau"

<sup>2</sup> Tidak dapat dipastikan nama yang tepat, tiada dalam carian Google